



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM**  
(*ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD*)  
**Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi**  
(*Ministry of Science, Technology and Innovation*)  
**Batu 24, Jalan Dengkil**  
**43800 Dengkil**  
**Selangor**



20 Mei 2011

Notis Pemberitahuan AELB

Bil. 2/2011 Sem. 1

## **PENGELUARAN LESEN KELAS D BAGI AKTIVITI PENGANGKUTAN DAN LESEN KELAS E BAGI AKTIVITI IMPORT DAN EKSPORT DI BAWAH AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984 (AKTA 304)**

### **TUJUAN**

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada pemegang lesen di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) mengenai keperluan memohon Lesen Kelas D bagi aktiviti Pengangkutan dan Lesen Kelas E bagi aktiviti Import atau Eksport dan di bawah Akta 304.

### **LATAR BELAKANG**

2. Di bawah Akta 304, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) dipertanggungjawabkan sebagai Pihak Berkuasa Berkenaan bagi mengawal dan mengawalselia urusan<sup>1</sup> berkaitan dengan bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan dan radas penyinaran.

3. Di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010 (Akta 708) pula, jabatan AELB dipertanggungjawabkan sebagai Pihak Berkuasa Berkenaan bagi mengawal dan mengawalselia aktiviti eksport, pemindahan, transit dan pembrokeran barangan strategik, termasuk senjata dan bahan berkaitan, dan aktiviti lain yang boleh memudahkan rekabentuk, pemajuan dan penghasilan senjata pemusnah besar-besaran dan sistem penghantarannya yang dibangunkan.

4. Pada masa ini, pemohon yang memohon Lesen Kelas A, B dan C di bawah Akta 304 akan diberikan lesen aktiviti **import dan eksport** secara automatik bagi memfasilitasi pemegang lesen tersebut dalam berurusan dengan aktiviti utama. Amalan ini dilaksanakan kerana jabatan AELB berpandangan adalah ideal jika hanya satu lesen bagi aktiviti utama dikeluarkan bersama aktiviti sampingan seperti yang ditunjukkan dalam **Lampiran A**. Pada masa ini Pegawai Penilai jabatan

---

<sup>1</sup> "urusan" - berhubung dengan mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran, ertinya apa-apa aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran yang sedemikian itu yang dikilang diperdagang, dikeluarkan, diproses, dibeli, dipunyai, diguna, diangkut, dipindah, dikendali, dijual, distor, diimport atau **dieksport**

AELB memberikan aktiviti sampingan yang dibenarkan walaupun aktiviti tersebut tidak dipohon oleh pemohon.

## **ARAHAN AELB**

5. Jabatan AELB dalam mesyuaratnya pada 31 Januari 2011, telah memutuskan bahawa **pemohon lesen hanya diberikan kelas lesen yang dipohon sahaja** tanpa mengambilkira sama ada aktiviti yang dipohon adalah aktiviti utama atau aktiviti sampingan. Dalam hal ini, aktiviti **import** atau **eksport** tidak akan diberikan secara automatik jika pemohon tidak berhasrat untuk menjalankan aktiviti tersebut.

6. Sebagai contoh, sekiranya pemohon memohon untuk menjalankan aktiviti penjualan bahan radioaktif, pemohon akan hanya diberikan Lesen Kelas A. Lesen Kelas E tidak akan diberikan kepada pemohon secara automatik jika pemohon tidak berhasrat untuk menjalankan aktiviti tersebut.

7. Dalam mesyuaratnya pada 31 Januari 2011 juga, jabatan AELB juga telah memutuskan bahawa **Lesen Kelas D** bagi aktiviti **pengangkutan** akan dikeluarkan kepada orang yang berhasrat menjalankan aktiviti pengangkutan tanpa mengira sama ada aktiviti pengangkutan dijalankan bagi pihak pelesen lain atau mengangkut bagi pihak diri sendiri.

8. Sebagai contoh, sekiranya pemohon memohon untuk menjalankan aktiviti radiografi industri melibatkan bahan radioaktif di mana aktiviti mengangkut bagi pihak diri sendiri diperlukan, pemohon akan dikehendaki untuk memohon Lesen Kelas A dan D. Dalam hal ini, Lesen Kelas D perlu dipohon walaupun pemohon mengangkut bagi pihak diri sendiri, dan tidak mengangkut bagi pihak pelesen lain.

9. Keputusan agar pemohon lesen hanya diberikan kelas lesen yang dipohon sahaja juga diambil bertujuan untuk menyelaraskan kawalan aktiviti import dan eksport di bawah Akta 304 dan aktiviti eksport di bawah Akta 708. Bagi tujuan penyelarasan ini, jabatan AELB akan mengambil tindakan berikut:

- 9.1 Bagi pemegang lesen sedia ada, **aktiviti import dan eksport akan dikekalkan** di dalam lesen sehingga lesen tamat. Semasa permohonan membarui atau meminda lesen seterusnya, pemegang lesen hendaklah mengemukakan borang LPTA/BP/6 untuk mendapatkan Lesen Kelas E bagi aktiviti import atau eksport jika pemegang lesen berhasrat untuk menjalankan aktiviti tersebut;
- 9.2 Bagi pemegang lesen yang baru, pemegang lesen hendaklah mengemukakan borang LPTA/BP/6 untuk mendapatkan Lesen Kelas E bagi aktiviti import atau eksport jika pemegang lesen berhasrat untuk menjalankan aktiviti tersebut;

- 9.3 Bagi pemohon lesen baru, **pemohon lesen hanya diberikan kelas lesen yang dipohon sahaja**. Dalam hal ini, aktiviti **import dan eksport** tidak akan diberikan secara automatik jika pemohon tidak berhasrat untuk menjalankan aktiviti tersebut; dan
- 9.4 Pelarasan pengeluaran lesen bagi aktiviti **pengangkutan** di bawah Akta 304 dilaksanakan selari dengan pelarasan pengeluaran lesen bagi aktiviti import dan eksport. **Lesen Kelas D** bagi aktiviti **pengangkutan** akan dikeluarkan kepada orang yang berhasrat menjalankan aktiviti pengangkutan tanpa mengira sama ada aktiviti pengangkutan dijalankan bagi pihak pelesen lain atau mengangkut bagi pihak diri sendiri. Pemohon yang hendak mengangkut bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau sisa-sisanya hendaklah mengemukakan borang permohonan LPTA/BP/4 bagi mendapatkan Lesen Kelas D ini.

## **PENUTUP**

10. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai notis pemberitahuan ini, sila berhubung dengan jabatan AELB menggunakan alamat di bawah.

Pengarah  
Bahagian Dasar, Kod & Standard  
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi  
Batu 24, Jalan Dengkil  
43800 Dengkil  
Selangor Darul Ehsan  
No. Tel : +603-89225888  
No. Faks : +603-89223685  
E-mel : pbs@aelb.gov.my  
Laman Web : [www.aelb.gov.my](http://www.aelb.gov.my)

**Lampiran A: Aktiviti utama bagi Lesen Kelas A, B, dan C serta aktiviti sampingan**

<b>Bil.</b>	<b>Aktiviti Utama</b>	<b>Aktiviti Sampingan</b>
1.	Mengilang	memperdagang, mengeluarkan, memproses, membeli, mempunyai, memiliki, mengguna, memindah, mengendali, menjual, menstor, <b><u>mengangkut, mengimport dan mengeksport</u></b>
2.	Memperdagang	memproses, membeli, mempunyai, memiliki, memindah, mengendali, menjual, menstor, <b><u>mengangkut, mengimport dan mengeksport</u></b>
3.	Mengeluar	memperdagang, memproses, membeli, mempunyai, mengguna, memindah, mengendali, menjual, menstor, <b><u>mengangkut, mengimport dan mengeksport</u></b>
4.	Memproses	memperdagang, mengeluarkan, membeli, mempunyai, memiliki, mengguna, memindah, mengendali, menjual, menstor, <b><u>mengangkut, mengimport dan mengeksport</u></b>
5.	Membeli	mempunyai, memiliki, mengguna, memindah, mengendali, menjual, menstor, <b><u>mengangkut, mengimport dan mengeksport</u></b>
6.	Mempunyai	memiliki, mengguna, memindah, mengendali, menjual dan menstor
7.	Memiliki	mempunyai, mengguna, memindah, mengendali, menjual, menstor
8.	Mengguna	mempunyai, mengguna, memindah, mengendali, menjual, dan menstor
9.	Memindah	mempunyai, menstor dan mengendali
10.	Mengendali	mempunyai dan menstor
11.	Menjual	mempunyai, menstor, <b><u>mengangkut, mengimport dan mengeksport</u></b>
12.	Menstor	memindah